

BAB VIII

SRJK(C) DAN POLEMIK SEKOLAH WAWASAN

Pembentukan bangsa Malaysia yang bersatu padu, bekerjasama serta hidup harmonis merupakan cabaran paling utama dalam usaha Malaysia mencapai taraf negara industri maju yang disegani, bermaruah dan dihormati di pentas antarabangsa menjelang tahun 2020. Akan tetapi, sistem pendidikan kebangsaan menyaksikan sekolah rendah yang menggunakan kurikulum kebangsaan dan peperiksaan yang seragam tetapi terasing antara satu sama lain dari segi fizikalnya dipercayai telah melahirkan bibit-bibit semangat perkauman yang menebal di kalangan murid.

Keadaan ini telah menyukarkan usaha kerajaan untuk menanam semangat integrasi dan seterusnya memupuk perpaduan di kalangan masyarakat berbilang kaum. Kementerian Pendidikan selaku institusi yang bertanggungjawab telah mengemukakan konsep Sekolah Wawasan sebagai salah satu pemangkin dalam merealisasikan matlamat perpaduan nasional. Walau bagaimanapun, pengenalan dan pelaksanaan gagasan tersebut telah menimbulkan tentangan dan kontroversi yang hangat. Dong Jiao Zong dan Hua Tuan khususnya mendakwa kononnya konsep penubuhan Sekolah Wawasan bertujuan untuk melenyapkan identiti dan status quo SRJK(C).

Kerangka Sekolah Wawasan

Pada dasarnya konsep Sekolah Wawasan yang diketengahkan oleh Kementerian Pendidikan adalah berasaskan syor kerajaan untuk menyatukan sekolah-sekolah kecil yang mempunyai murid kurang daripada 150 orang di kawasan luar bandar dan kawasan terpencil ke kompleks sekolah yang baru untuk mengoptimumkan penggunaan kemudahan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh.¹ Selain itu, konsep Sekolah Wawasan juga memenuhi Sasaran Kerja Utama Piagam Pelanggan Kementerian Pendidikan pada tahun 1994, iaitu semua sekolah rendah pelbagai aliran dibina dalam satu kompleks.² Justeru itu Kementerian Pendidikan telah mula melaksanakan konsep Sekolah Wawasan dan setiap negeri dirancang untuk mendirikan sekurang-kurangnya satu Sekolah Wawasan. Pada dasarnya pihak Kementerian Pendidikan memberi keutamaan bagi sekolah-sekolah yang bermasalah dari segi tapak atau sekolah yang daif dan memohon supaya dipindahkan.³

Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 8.1, Jabatan-Jabatan Pendidikan Negeri telah mengenal pasti 14 kawasan untuk menubuhkan Sekolah Wawasan. Daripada jumlah itu, 12 buah Sekolah Wawasan adalah melibatkan sekolah baru, dan dua buah lagi adalah gabungan

¹ Malaysia, Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000, Percetakan Nasional Malaysia Bhd., Kuala Lumpur, 1996, hlm.341.

² Malaysia, Sasaran Kerja Utama, hlm.14.

³ Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Kesepuluh, Penggal Kedua, Mesyuarat Pertama, Jilid II, Bil.25, 29 Mac 2000, hlm.80.

sekolah-sekolah yang sedia ada. Walau bagaimanapun, hanya tujuh buah Sekolah Wawasan sahaja ditubuhkan dan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh.

Jadual 8.1 Bilangan Sekolah Wawasan Di Bawah Rancangan Malaysia Ketujuh

Bil.	Negeri	Tempat	Keluasan (Ekar)	Catatan
1.	Kedah	Taman Aman, Anak Bukit, Alor Setar	15	Sekolah Baru RM ke-7
2.	Pulau Pinang	Mukim 15, Seberang Perai	25	Sekolah baru RM ke-7
3.	Perak	A.Pundut, Lumut B.Pekan Baru, Parit Buntar C.Matang	15 15 15	Sekolah baru RM ke-7
4.	Selangor	Bandar Utama Damansara	15	Sekolah Baru
5.	Kuala Lumpur	Segambut Dalam 2	4.8	Sekolah Baru
6.	N.Sembilan	Bukit Kepayang	22	Sekolah Baru RM ke-7
7.	Melaka	Padang Temu, Melaka Tengah	25	Sekolah Baru
8.	Johor	Seri Kenangan, Segamat	15	Sekolah Baru RM ke-7
9.	Pahang	Mukim Penjom, Lipis	15	Sekolah Baru
10.	Terengganu	Bukit Bayas, Gong Badak, Kuala Terengganu	20	Sekolah Baru
11.	Sarawak	Jalan Keretapi, Kuching	15	Kompleks Sekolah
12.	Sabah	Labuan	30	Kompleks Sekolah

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Sekolah Wawasan: Konsep dan Pelaksanaan, Kementerian Pendidikan, Kuala Lumpur, Disember 1995, Jadual 1; Roufozhou xunhui fangwen, (Lawatan Ke Johor), Jawatankuasa Kerja SRJK(C) Dong Jiao Zong, Kuala Lumpur, 23-28 Julai 1997, hlm.17.

Kementerian Pendidikan telah memperuntukkan RM 20.74 juta bagi membina tujuh sekolah wawasan tersebut, iaitu tiga sekolah dibina di Perak dan sebuah masing-masing di Kedah, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Johor. Daripada tujuh projek perintis itu, tiga daripadanya melibatkan dua buah sekolah, manakala empat lagi membabitkan tiga buah sekolah. Lima buah SRJK(C) yang sedia ada telah disenaraikan dalam projek Sekolah Wawasan tersebut, iaitu SRJK(C) Central Site, Segamat, SRJK(C) Ladang Hillside, Seremban, SRJK(C) Wai Sin, Parit Buntar. SRJK(C) Soon Jian, Anak Bukit, Alor Setar an SRJK(C) Eng Ling, Lumut.⁴

Secara umumnya, matlamat utama gagasan Sekolah Wawasan adalah untuk mewujudkan perpaduan dan memupuk semangat integrasi di kalangan murid-murid yang berbagai-bagai bangsa, agama dan latar belakang. Buku panduan Sekolah Wawasan yang diterbitkan pada tahun 1995 jelas menyatakan matlamat yang berpaksikan Laporan Razak seperti berikut:

“Dalam usaha mencapai matlamat perpaduan negara, pendidikan memainkan peranan yang amat penting. Dasar Pendidikan Kebangsaan yang berteraskan Penyata Razak 1956 jelas menegaskan tujuan dasar pendidikan sebagai alat perpaduan bagi rakyat negara ini, khususnya di kalangan kanak-kanak sekolah. Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang seragam bagi semua jenis sekolah dilihat sebagai satu ciri yang paling penting dan perlu dilaksanakan sepenuhnya secara beransur-ansur.”⁵

⁴ Kua Kia Soong, “Who is Blurring the Vision Schools Issue?”, www.malaysiakini.com, 10.11.2000; Nanyang Siang Pau, 8 November 2000.

⁵ Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Sekolah Wawasan: Konsep dan Pelaksanaan, Kementerian Pendidikan, Kuala Lumpur, Disember 1995, perenggan 4.2.

Tegasnya konsep Sekolah Wawasan yang telah diluluskan oleh Kabinet pada tahun 1997 bermatlamat untuk merealisasikan “*ultimate objective*” Laporan Razak, iaitu menyatupadukan murid-murid dibawah satu sistem pendidikan kebangsaan yang menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar. Atas pertimbangan matlamat ini, Kementerian Pendidikan mencadangkan agar Sekolah Wawasan berkonsepkan murid-murid dari pelbagai aliran belajar bersama-sama dalam satu bumbung atau kawasan yang sama. Mekanisme pengumpulan murid-murid secara pemasaran dalam satu ruang yang sama akan menemukkan kepelbagaiannya latar belakang budaya, ras, agama, sosial dan ekonomi setiap ahli sekolah berkenaan. Lantaran daripada pertemuan itu, satu wadah pendidikan wujudkan pertembungan budaya dan bangsa.

Ciri keistimewaan Sekolah Wawasan ialah pengelompokan dua atau tiga buah sekolah yang berlainan aliran dan pentadbiran di dalam satu kawasan yang sama dan berkongsi kemudahan-kemudahan asas seperti padang permainan, dewan, pusat sumber, bilik komputer, kantin dan sebagainya. Perkongsian kawasan dan kemudahan sekolah ini memungkinkan usaha-usaha penerapan nilai-nilai masyarakat majmuk serta memupuk, semangat persefahaman dan toleransi antara kaum, khususnya di kalangan murid-murid sekolah sejak di peringkat sekolah rendah lagi.

Walaupun berada dalam satu kawasan yang sama, setiap sekolah mempunyai pentadbiran secara berasingan dari segi peruntukan kewangan,

anggaran belanja mengurus, guru besar dan lain-lain personel. Tiap-tiap aliran diketuai oleh Guru Besar dan salah seorang bertindak sebagai penyelaras di antara aliran-aliran tersebut. Selain itu, semua kemudahan fizikal sekolah adalah diguna dan diurus secara usahasama. Warga Sekolah Wawasan digalak menggunakan kemudahan sekolah secara bersama seperti kantin, dewan, pusat sumber, gelanggang permainan dan padang yang pasti menyumbangkan kepada pengukuhan hubungan ras. Sekolah Wawasan juga mempunyai kemudahan-kemudahan tambahan seperti makmal bahasa, bilik-bilik khas dan gimnasium.

Dari segi kegiatan luar bilik darjah, warga Sekolah Wawasan digalak menjalankan aktiviti seperti perhimpunan, kegiatan kokurikulum, Temasya Sukan Tahunan, Hari Terbuka Sekolah dan Majlis Penyampaian Hadiah secara serentak dan bersama. Selaras dengan taraf bahasa rasmi negara, Bahasa Kebangsaan digunakan sebagai bahasa pengantar bagi semua aktiviti luar bilik darjah ini.

Kontroversi Konsep Sekolah Wawasan

Pelaksanaan konsep Sekolah Wawasan telah ditentang hebat oleh masyarakat Cina khususnya Dong Jiao Zong dan Hua Tuan. Mereka begitu gusar dan bimbang dengan konsep Sekolah Wawasan kerana dikhawatiri akan menguburkan identiti serta penggunaan bahasa ibunda di kalangan murid SRJK(C). Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan berkali-kali memberi jaminan

bahawa konsep Sekolah Wawasan tidak akan menghapuskan identiti SRJK(C) dan SRJK(T) terbabit. Misalnya, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan telah memberi penerangan lanjut seperti berikut:

“Perlu ditegaskan tidak ada percampuran bahasa pengantar di antara berlainan aliran, setiap aliran tetap bebas menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran sama seperti sekolah rendah biasa. Perkongsian hanya berlaku dalam aspek kemudahan sekolah seperti kantin, pusat sumber/perpustakaan, padang, bilik guru dan dewan... Kementerian Pendidikan dalam perkara ini tetap memastikan dan menghormati kedudukan bahasa pengantar tiap-tiap kaum dijalankan di sekolah-sekolah sedia ada tanpa sama sekali bertujuan untuk melenyapkan kepentingan mempelajari bahasa ibunda setiap kaum. Di sinilah terletaknya keindahan konsep Sekolah Wawasan ini, tempatnya satu tetapi pelbagai aliran bahasa pengantar tetap dikekalkan”⁶

Namun demikian, Dong Jiao Zong masih menolak keras gagasan Sekolah Wawasan. Mereka terus terang menentang matlamatnya yang ingin merealisasikan Dasar Pendidikan Kebangsaan dengan menolak kepelbagaian bahasa pengantar di semua institusi pendidikan. Dalam kenyataannya, Dong Jiao Zong menegaskan mereka menyokong konsep pengelompokan sekolah rendah pelbagai aliran dalam satu kompleks yang menggalakkan interaksi dan pergaulan di kalangan murid. Akan tetapi, Dong Jiao Zong tidak akan berkompromi dan

⁶ Fail GPGSCM/Jiaoyubu[Kementerian Pendidikan], Surat dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, kepada GPGSCM, 5 Mac 1998, GPGSCM, Kuala Lumpur.

akan membantah habis-habisan sekiranya “*ultimate objective*” Laporan Razak dijadikan asas penubuhan Sekolah Wawasan.⁷

Oleh kerana bantahan kuat dari komuniti Cina, pelaksanaan konsep Sekolah Wawasan terpendam tanpa banyak publisiti. Bagaimanapun, hasrat kerajaan tersebut disuarakan semula oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, selepas mempergerusikan mesyuarat tertinggi Barisan Nasional pada 25 Julai 2000. Pada mesyuarat itu, para pemimpin BN dilaporkan bersetuju untuk menubuhkan lebih banyak Sekolah Wawasan bagi memupuk semangat muhibah yang lebih baik di kalangan penduduk berbilang kaum terutama generasi muda.⁸

Kabinet selanjutnya mengumumkan pada 9 Ogos 2000 bahawa garis panduan Sekolah Wawasan 1995 dibatalkan. Serentak itu, Kabinet mengarahkan Dr. Ling Liang Sik, Dr. Lim Keng Yaik, Datuk Law Hieng Ding dan Tan Sri Musa Mohamad mengadakan pertemuan untuk mencari kata sepakat bagi memastikan pelaksanaan konsep Sekolah Wawasan berjalan dengan lancar. Sebagai hasilannya, Kementerian Pendidikan telah mengatur pertemuan dengan Dong Jiao Zong pada 22 September 2000 untuk membincangkan tentang garis panduan Sekolah Wawasan tetapi ia berakhir dengan kegagalan.

⁷ Kenyataan Akhbar Dong Jiao Zong Mengenai Sekolah Wawasan, 3 Mac 1997.

⁸ Utusan Malaysia, 26 Julai 2000.

Pada keseluruhannya, percaturan Dong Jiao Zong ternyata berjaya mendesak Kementerian Pendidikan membuat pengubahsuaian mengikut kewajaran dalam Akta Pendidikan 1996. Di samping mengekalkan matlamat murni untuk memupuk perpaduan, Kementerian Pendidikan nampaknya bersikap tolak ansur dengan memansuhkan ketetapan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar di Sekolah Wawasan. Sebagai gantinya, Kementerian Pendidikan menjamin setiap sekolah yang terlibat dalam Sekolah Wawasan tetap menggunakan Kurikulum Kebangsaan dengan bahasa pengantar di Sekolah Kebangsaan ialah Bahasa Malaysia manakala SJK(C) menggunakan Bahasa Cina dan SJK(T) menggunakan Bahasa Tamil. Sementara mata pelajaran yang diajar di sekolah adalah sama mengikut Kursus-Kursus Pengajian bagi jenis aliran sekolah. Pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Wawasan juga adalah sama mengikut jenis aliran sekolah dan jumlah tenaga pengajarnya adalah mengikut norma perjawatan yang telah ditetapkan.⁹

Sebagai jaminan tambahan kepada pengekalan identiti SRJK(C) dan SRJK(T), panduan menetapkan tiap-tiap sekolah mempunyai bangunan sendiri yang boleh disambung antara satu dengan lain dengan menggunakan jambatan penghubung (*link-way*) dan dibenarkan mempunyai nama sekolah yang tersendiri. Satu Jawatankuasa Penyelaras yang terdiri daripada Guru Besar dan dua orang guru dari setiap sekolah hendaklah diwujudkan untuk menyelaras hal-hal pengurusan mengenai kebersihan, keceriaan dan keselamatan sekolah.

⁹ Sekolah Wawasan: Konsep dan Pelaksanaan, Kementerian Pendidikan, Kuala Lumpur, 23 September 2001.

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh salah seorang daripada Guru Besar dari Sekolah Wawasan berkenaan secara bergilir-gilir mengikut kesesuaian sama ada satu atau dua tahun sekali.

Kantin sekolah dikendalikan bersama-sama oleh sekolah-sekolah berkenaan. Dalam urusan ini, sensitiviti semua kaum diambil kira dan bayaran sewa diagihkan kepada sekolah-sekolah berdasarkan nisbah murid. Makanan yang disediakan adalah makanan yang halal sahaja. Pembayaran bil elektrik, air dan telefon adalah menjadi tanggungjawab sekolah masing-masing. Sementara itu, bil-bil yang melibatkan aktiviti gunasama dikongsi bersama. Ketiga-tiga sekolah digalakkan mempunyai waktu rehat yang sama serta hendaklah menggunakan jalan atau pintu masuk yang sama.

Dari segi kegiatan kokurikulum pula, warga Sekolah Wawasan digalak menjalankan aktiviti ko-kurikulum tambahan secara bersama, di samping aktiviti ko-kurikulum yang sedia ada di setiap sekolah. Seperkara yang perlu diketengahkan ialah Kementerian Pendidikan telah memberikan bahasa pengantar masing-masing digunakan untuk aktiviti kokurikulum. Malahan perhimpunan mingguan dan perhimpunan-perhimpunan lain juga boleh menggunakan bahasa pengantar masing-masing, melainkan perhimpunan bulanan yang dikehendaki dijalankan secara bersama dengan menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa rasmi perhimpunan.

Satu lagi perubahan besar ialah Kementerian Pendidikan mengiktiraf Lembaga Pengelola Sekolah sebagai badan yang berkuasa bagi mewakili sekolah dalam isu-isu pengurusan sekolah. Oleh itu, persetujuan Lembaga Pengelola Sekolah telah dijadikan prasyarat bagi sekolah-sekolah yang sedia ada yang dicadang untuk dipindahkan ke Sekolah Wawasan. Prasyarat yang demokratik ini memperlihatkan prinsip sukarela tanpa paksaan yang sangat menguntungkan hubungan baik antara kaum serta mengelakkan sensitiviti dan ketegangan yang mungkin tertimbul diutamakan.

Tegasnya garis panduan Sekolah Wawasan 2000 tidak mencadangkan pertukaran status quo SRJK(C) dan SRJK(T) termasuklah bahasa pengantarnya. Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan menegaskan ia tidak berhasrat menghapuskan SRJK(C) yang telah termaktub dalam Akta Pendidikan 1996. Bagaimanapun, dalam pada mengikrarkan komitmen masing-masing untuk memantapkan semangat dan amalan perpaduan dan pemuaafakatan di kalangan anggota masyarakat berbilang kaum, pihak Dong Jiao Zong dan Hua Tuan sebaliknya tetap menentang Sekolah Wawasan yang dijadikan sebagai langkah strategik untuk mengistitusikan usaha pemupukan semangat dan amalan perpaduan itu.

Persoalannya, apakah benar Sekolah Wawasan merupakan instrumen baru kerajaan untuk menghakis kepentingan kaum Cina dan India terutama berhubung identiti SRJK(C) dan SRJK(T)? Apa yang cukup jelas ialah konsep dan

pelaksanaan Sekolah Wawasan seperti yang tertera dalam garis panduannya akan mengekalkan apa juga bentuk perlindungan kepada SRJK(C) dan SRJK(T) seperti termaktub di dalam Akta Pendidikan 1996. Lantaran itu, dakwaan bahawa penubuhan Sekolah Wawasan akan melenyapkan identiti sekolah-sekolah vernakular sememangnya amat bertentangan dengan dasar yang telah dipersetujui dalam sistem pendidikan kebangsaan. Akta Pendidikan 1996 dengan jelas memperakukan kewujudan SRJK(C) dan SRJK(T) yang menggunakan bahasa Cina dan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar utama, dan menjadikan Bahasa Kebangsaan dan bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib. Dengan adanya perakuan ini, maka tindakan mana-mana pihak untuk melenyapkan kewujudan SRJK(C) dan SRJK(T) adalah suatu pelanggaran undang-undang. Apatah lagi, konsep Sekolah Wawasan hanya sebagai komplimentari kepada sistem pendidikan yang telah sedia ada dan bukan bermaksud untuk mengubah Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Dengan ada jaminan undang-undang tersebut, maka kebimbangan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan terhadap Sekolah Wawasan yang dikhawatir akan menguburkan identiti SRJK(C) sepatutnya telah dihapuskan. Dalam hal ini, bekas Menteri Kesihatan, Datuk Lee Kim Sai menganggap Dong Jiao Zong dan Hua Tuan terlalu awal melatah. Beliau menasihati mereka supaya tidak meragui bidang kuasa Parlimen dan Yang diPertuan Agong yang memberi jaminan tidak akan meminda sewenang-wenangnya akta-akta yang memelihara kepentingan

masyarakat Cina di negara ini, khususnya berkaitan bahasa pengantar di SRJK(C).¹⁰

Jika diimbas kembali, konsep berupa Sekolah Wawasan sebenarnya telah pernah diimplementasikan di Teluk Sengat, Kota Tinggi, Johor¹¹ dan di Lurah Bilut, Bentong, Pahang.¹² Kedua-dua projek perintis itu ternyata tidak mengorbankan identiti sekolah yang menjadi komponen Sekolah Wawasan. Memetik kata Guru Besar SRJK(C) Lurah Bilut, Tan Ah Leek,

“Di Sekolah Wawasan meskipun terdapat tiga jenis sekolah dalam satu kawasan dengan berkongsi menggunakan kemudahan asas seperti padang permainan, dewan perhimpunan dan kantin, sekolah-sekolah ini masih mempunyai pejabat dan bilik darjah masing-masing untuk menjalankan pentadbiran dan pembelajaran masing-masing dengan menggunakan bahasa pengantar masing-masing. Malahan masing-masing mendapat peruntukan kewangan yang berasingan daripada kerajaan. Dari aspek kurikulum atau pengajaran dan pembelajaran (P&P), selain Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, ketiga-ketiga jenis sekolah ini juga menjalankan proses P&P dengan menggunakan bahasa pengantar iaitu bahasa ibunda masing-masing; SK dengan bahasa Melayu, SRJK(C) dengan bahasa Cina dan SRJK(T) dengan bahasa Tamil.”¹³

¹⁰ Utusan Malaysia, 12 November 2000.

¹¹ Kompleks Sekolah-Sekolah Teluk Sengat telah dirancang oleh Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan projek ini telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan dalam bulan Mei 1980 dengan peruntukan RM 524,000. Ia terdiri daripada tiga buah sekolah rendah, iaitu SK Teluk Sengat, SRJK(C) Nan Ya dan SRJK(T) Ladang Teluk Sengat; Kompleks Sekolah-Sekolah Teluk Sengat, Kota Tinggi, Johor : Satu Cadangan, Pejabat Pelajaran Daerah Kota Tinggi, Johor, 1 Jun 1985.

¹² Menurut rekod Sekolah Wawasan Lurah Bilut, dua buah sekolah yang lebih awal ditubuhkan ketika Rancangan FELDA Lurah Bilut mula-mula diterokai pada tahun 1961 ialah SK Lurah Bilut dan SRJK(C) Lurah Bilut. SRJK(T) Lurah Bilut yang ditubuhkan kemudiannya menumpang di bangunan SK Lurah Bilut. Pada tahun 1963, bangunan baru untuk SRJK(C) Lurah Bilut dan SRJK(T) Lurah Bilut dibina dalam kawasan SK Lurah Bilut, dan dengan demikian ketiga-tiga sekolah ini menggunakan kantin, padang dan kewasan perhimpunan yang sama.

¹³ “Sekolah Wawasan tidak seburuk yang disangka”, Dewan Masyarakat, Oktober 2000, hlm.30-31.

Tegasnya, realiti projek perintis ini tidak menunjukkan sama sekali wujudnya unsur-unsur yang dibimbangkan oleh Dong Jiao Zong dan Hua Tuan yang berprasangka buruk tentang penubuhan Sekolah Wawasan. Sebaliknya, ia telah merealisasikan pemupukan semangat integrasi dan perpaduan, di samping sebagai suatu kaedah mengoptimumkan penggunaan ruang dan kemudahan asas pendidikan. Seperti kata Guru Besar SK (LKTP) Lurah Bilut, Ibrahim Mohamad, pelaksanaan Sekolah Wawasan telah “membuka peluang kepada murid untuk saling bergaul dan memahami antara satu sama lain...banyak nilai positif dapat dipupuk seperti semangat bekerjasama, tolak ansur, hormat-menghormati dan persefahaman...”¹⁴ Begitu juga kata Guru Besar SRJK(T) Lurah Bilut, L. Narayanasamy, “kita tidak sahaja dapat menanam semangat perpaduan di kalangan murid-murid tetapi juga kepada guru-guru yang bertugas di sini”.¹⁵

Berdasarkan kejayaan projek perintis ini, Kementerian Pendidikan penuh yakin dan percaya terhadap penubuhan Sekolah Wawasan dalam memperkuuhkan hubungan dan perpaduan pelbagai ras dari aliran SK, SRJK(C) dan SRJK(T). Kejayaan yang direalisasikan dalam projek perintis ini seharusnya dijadikan rujukan oleh semua pihak yang mempertikaikan pelaksanaan konsep Sekolah Wawasan.

¹⁴ Ibid., hlm.28.

¹⁵ Ibid., hlm.29.

Memang benar, kekeliruan mengenai konsep Sekolah Wawasan mulanya menyelubungi masyarakat Cina terutama Dong Jao Zong dan Hua Tuan. Namun pihak Kementerian Pendidikan khususnya telah pun berusaha memperjelaskan kepada wakil-wakil Dong Jiao Zong dan Hua Tuan. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, sekolah-sekolah terlibat dibawah Sekolah Wawasan tetap akan menggunakan bahasa pengantar masing-masing iaitu bahasa Melayu bagi Sekolah Kebangsaan, bahasa Mandarin bagi SRJK(C) dan bahasa Tamil bagi SRJK(T).¹⁶

Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu berpendapat langkah membanyakkan Sekolah Wawasan penting demi memastikan perpaduan rakyat terus utuh untuk jangka masa panjang. Jelasnya, walaupun ia merupakan gabungan SK, SRJK(C) dan SRJK(T) namun ia tidak akan menjelaskan identiti setiap sekolah berkenaan.¹⁷ Sementara Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak menolak dakwaan kerajaan mempunyai agenda tersembunyi di sebalik rancangan mengadakan Sekolah Wawasan. Sehubungan itu, beliau menasihati masyarakat Cina tidak perlu mempunyai sebarang kesangsian kerana Akta Pendidikan 1996 telah memberi perlindungan kepada semua SRJK.¹⁸

¹⁶ Sin Chew Jit Poh, 2 Ogos 2000.

¹⁷ New Straits Times, 8 Ogos 2000.

¹⁸ Othman Mohamad, "Tiada agenda tersembunyi di sebalik Sekolah Wawasan", Utusan Malaysia, 27 November 2000.

Bagaimanapun, jaminan dan penjelasan yang dibuat oleh Menteri Pendidikan dan pemimpin negara yang lain masih tidak menghilangkan kegusaran dan kegelisahan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan mengenai status quo SRJK(C). Mereka langsung tidak mahu percaya dan menerima jaminan kerajaan bahawa kepentingan SRJK(C) akan terpelihara. Malah kehangatan isu berkekalan terus dipolemikkan apabila lima buah SRJK(C) telah menolak tawaran kerajaan untuk bertukar ke konsep Sekolah Wawasan yang dicadangkan.

Dong Jiao Zong mengisyiharkan secara terbuka sokongan sepenuhnya kepada idea menggalakkan interaksi antara murid-murid dari pelbagai aliran yang bertujuan melahirkan generasi yang mempunyai sifat toleransi dan persefahaman yang tinggi demi mewujudkan sebuah negara yang bersatupadu.¹⁹ Bagaimanapun Dong Jiao Zong mendakwa pelaksanaan program Sekolah Wawasan yang berlandaskan Program Sekolah Integrasi 1985 adalah suatu percubaan kerajaan untuk mengubah bahasa pengantar SRJK(C).

Mereka berpendapat bahawa Program Sekolah Integrasi 1985, Projek Sekolah Wawasan 1995 dan Projek Sekolah Wawasan 2000 mempunyai latarbelakang yang sama, iaitu berlandaskan kepada andaian bahawa kewujudan sekolah rendah pelbagai aliran adalah punca polarisasi atau ketidakharmonian kaum. Maka dicadangkan Sekolah Wawasan bagi mengubah keadaan sekolah pelbagai aliran yang ditempatkan di atas tapak yang berlainan tetapi mempunyai

¹⁹ Kenyataan Akhbar Dong Jiao Zong, 8 Oktober 2000.

sukatan pelajaran yang seragam dibawah satu struktur organisasi yang baru di atas tapak yang sama, dan secara beransur-ansur mencapai matlamat “menempatkan murid-murid dari semua kaum di bawah satu bumbung dengan bahasa pengantar yang sama”²⁰

Selain itu, Dong Jiao Zong dan Hua Tuan juga beranggapan kedudukan Guru Besar dan Lembaga Pengelola SRJK(C) akan tergugat. Ini kerana penubuhan Jawatankuasa Penyelaras bererti kuasa guru besar sekolah-sekolah berkenaan akan tersekat. Perkara-perkara yang dulunya boleh diputuskan oleh seorang guru besar itu sendiri sekarang perlu dapat kelulusan daripada Jawatankuasa Penyelaras. Selain itu, penubuhan Jawatankuasa Penyelaras juga akan mengakibatkan Lembaga Pengelola SRJK(C) kehilangan kedudukan dan kuasanya. Bagi masyarakat Cina, Lembaga Pengelola adalah penjaga dan pelindung SRJK(C). Justeru itu, sebarang tindakan yang cuba melemahkan atau menghapuskan kedudukan dan kuasa Lembaga Pengelola Sekolah dilihat sebagai satu ancaman kepada kedudukan SRJK(C).²¹

Dong Jiao Zong juga mendakwa kononnya bahasa pengantar kurikulum SRJK(C) akan ditukarkan kepada Bahasa Kebangsaan secara beransur-ansur apabila semakin ramai guru bukan berkelayakan Cina mengajar di sekolah

²⁰ Resolusi-Resolusi Mesyuarat Bersama Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia dan Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia pada 8 Oktober 2000, Dong Jiao Zong, Kajang, 8 Oktober 2000.

²¹ Soalan-Soalan mengenai Projek Sekolah Wawasan, Dong Jiao Zong, Kajang, 2000.

berkenaan. Menurut Penasihatnya, Sim Mow Yu, memandangkan SRJK(C) menghadapi kekurangan guru terlatih, Kementerian Pendidikan akan menghantar guru Melayu SK yang tidak berkelayakan bahasa Cina untuk mengajar di SRJK(C).²² Akibatnya setengah-tengah mata pelajaran SRJK(C) seperti Pendidikan Seni, Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Muzik akan diajar dalam Bahasa Kebangsaan.

Penolakan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan terhadap konsep Sekolah Wawasan juga memperlihatkan ketidakpercayaan dan ketidakyakinan mereka terhadap jaminan kerajaan. Akibat pemikiran yang penuh dengan syak wasangka, Dong Jiao Zong terlalu memikirkan sangat tentang pengekalan status quo dan identiti SRJK(C). Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad menyifatkan tindakan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan itu umpama “takutkan dengan bayang bayang sendiri”.²³ Dalam hal ini, Presiden Kesatuan Guru-Guru Besar Malaysia Kang Siew Khoon menerangkan bahawa ketidakpercayaan di kalangan pihak Dong Jiao Zong mempunyai kaitannya dengan perkembangan sejarah pendidikan Cina di negara ini yang menunjukkan mereka pernah diperdaya oleh Kementerian Pendidikan.²⁴ Insiden itu sebenarnya merujuk kepada pengalaman pahit Dong Jiao Zong pada tahun 1962 kerana mempercayai jaminan Kerajaan Perikatan bahawa satu pertiga daripada mata pelajaran Sekolah Menengah Cina Persendirian yang

²² Berita Harian, 9 November 2000.

²³ Lee Ban Chen, “SRJKC: Sistem Sekolah Negeri China?”, www.djz.edu.my. Disember 2000.

²⁴ Utusan Malaysia, 19 November 2000.

ditukarkan sebagai Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan tetap akan diajar dalam bahasa pengantar Cina. Namun kesemua sekolah tersebut hanya menjadikan Bahasa Cina sebagai satu matapelajaran saja. Justeru, "Once bitten, twice shy", Lee Ban Chen mengatakan bahawa masyarakat Cina tidak begitu mudah terpedaya oleh Kementerian Pendidikan atau kerajaan BN yang jarang sekali berpegang kepada janji-janjinya.²⁵

Selain itu, sikap tidak percaya juga berpunca daripada layanan yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan kepada SRJK(C). Sebagaimana yang diketengahkan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr. Koh Tsu Koon, "*There is a history behind all this. They have not been given just treatment and hence feel a lot of apprehension...*".²⁶ Setiausaha Jawatankuasa Suqiu, Ser Choon Ing turut sependapat dengan Dr. Koh Tsu Koon. Katanya:

*"The background of the distrust to the Education Ministry is the Ministry's refusal for the building of new mother tongue primary schools based on educational needs and its failure to train sufficient teachers for these schools... If the Education Ministry is sincere to promote national integration without any hidden agenda of assimilation, it should show its commitment to the development of mother tongue education through building new schools and training sufficient teachers. The communities would be more than happy to explore new ideas for national integration. Making unfounded accusations is the last thing that will promote national integration."*²⁷

²⁵ Lee Ban Chen, "Sekolah Wawasan", Teks Ucapan dalam Forum Sekolah Wawasan anjuran Jawatankuasa Biro Pendidikan Barisan Alternatif pada 8 Oktober 2000 di Ibu Pejabat KeADILan, Pusat Dagangan Phileo Damansara II, Petaling Jaya, Selangor.

²⁶ The Sun, 10 November 2000.

²⁷ Media Statement by Ser Choon Ing, Suqiu Committee Secretary, 6 December 2000.

Ringkasnya, reaksi Dong Jiao Zong dan Hua Tuan terhadap penubuhan Sekolah Wawasan merupakan satu adunan perasaan tidak puas hati dan syak wasangka. Mereka telah membuat desakan kepada pihak kerajaan supaya membatalkan rancangan Sekolah Wawasan dan digantikan dengan “Rancangan Integrasi Murid-Murid Untuk Perpaduan 1986”.²⁸ Rancangan tersebut menjurus kepada aktiviti-aktiviti kokurikulum yang boleh dilaksanakan secara bersama oleh sekolah-sekolah yang berdekatan. Ia menggalakkan penglibatan dan kerjasama murid-murid dalam bidang penggabungan kegiatan-kegiatan khas, penggunaan bersama kemudahan dan peralatan sekolah, dan perkongsian dan penggembelingan tenaga, pengalaman dan kepakaran yang ada.

Pelbagai pihak turut sependapat dan memberi sokongan padu kepada Dong Jiao Zong dan Hua Tuan dalam usaha membantah konsep Sekolah Wawasan. Misalnya, Presiden PAS, Fadzir Noor menyuarakan secara terbuka menyokong Dong Jiao Zong untuk menentang penubuhan Sekolah Wawasan. Dalam kenyataannya, beliau menegaskan Barisan Alternatif sepakat tidak menyokong Sekolah Wawasan kerana ia boleh menghalang perkembangan bahas ibunda kaum Cina.²⁹ DAP menyokong cadangan Dong Jiao Zong supaya Sekolah Wawasan digantikan dengan “Rancangan Integrasi Murid-Murid untuk Perpaduan 1986” yang jauh lebih komprehensif dan terperinci.³⁰ Presiden Keadilan, Dr. Wee

²⁸ Memorandum Rancangan Sekolah Wawasan, Dong Jiao Zong, Kajang, 19 Oktot 2000.

²⁹ Utusan Malaysia, 27 Disember 2000; Massa, Bil. 270, 9 Disember 2000, hlm. 10.

³⁰ Press Statement by DAP Secretary General and MP for Kota Melaka, Kerk Kim Hock in Petaling Jaya on 10 November 2000.

Azizah Wan Ismail berpendapat rancangan tersebut adalah hasil perundingan dan perbincangan antara Kementerian Pendidikan dan beberapa kumpulan pendidik termasuk Dong Jiao Zong sedangkan Sekolah Wawasan sebaliknya dianggap sebagai konsep yang dipaksa ke atas masyarakat tanpa sebarang perundingan.³¹

Barisan Alternatif mendakwa perlaksanaan secara paksaan tanpa perundingan adalah punca utama yang menimbulkan keimbangan di kalangan banyak pihak bahawa pihak pemerintah mempunyai agenda tersembunyi untuk menghapuskan bahasa ibunda. Dalam kenyataannya, Barisan Alternatif beranggapan bahawa “perpaduan bangsa tidak boleh dijamin hanya melalui projek Sekolah Wawasan, bahkan ia akan terbina hanya jikalau wujud keadilan yang sebenarnya dalam bidang-bidang ekonomi, politik, sosial, kebudayaan, pendidikan dan sebagainya”.³² Selain itu, dalam sesi “Dialog Bersama Dong Jiao Zong dan Mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Tentang Isu Sekolah Wawasan” yang diadakan di Bangunan Dong Jiao Zong, beberapa persatuan mahasiswa dari universiti-universiti tempatan menyokong tindakan Dong Jiao Zong yang tetap berkeras menolak Sekolah Wawasan yang diperkenalkan oleh kerajaan. Malah, para pemimpin persatuan-persatuan itu berpendapat pengenalan Sekolah

³¹ Kenyataan Media Dr. Wan Azizah Wan Ismail, Presiden Parti KeADILan Nasional, 15 Disember 2000.

³² Kenyataan Media Dr Syed Husin Ali, Pengurus Biro Pendidikan Barisan Alternatif, 6 Disember 2000.

Wawasan boleh menghilangkan identiti bahasa dan budaya sekolah-sekolah Cina.³³

Bagaimanapun, penolakan Dong Jiao Zong tidak menjelaskan pelaksanaan Sekolah Wawasan malah ia akan diteruskan di tujuh sekolah perintis yang telah dipilih, biarpun ia dijalankan dengan hanya dua buah sekolah dalam satu projek. Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad menegaskan kerajaan tidak akan tunduk dengan desakan mana-mana pihak termasuk Dong Jiao Zong dan Hua Tuan supaya membatalkan pelaksanaan konsep Sekolah Wawasan.³⁴ Malah beliau menekankan kerajaan tidak akan menimbangkan cadangan supaya konsep Sekolah Wawasan digantikan dengan “Rancangan Integrasi Murid-Murid Untuk Perpaduan”.³⁵

Percubaan untuk mengasingkan SRJK(C) daripada sekolah-sekolah lain dikatakan menghalang usaha menjalinkan hubungan baik dan memupuk perpaduan di kalangan murid sejak di peringkat sekolah rendah. Oleh itu, sikap Dong Jiao Zong itu telah disifatkan sebagai lebih mementingkan hak dan kepentingan serta identiti kaum berbanding dengan semangat dan aspirasi Dasar

³³ Utusan Malaysia, 3 Disember 2000. Dialog yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kehormat GPGSCM, Tan Poh Boo dan dihadiri oleh kira-kira 100 pelajar mewakili beberapa persatuan. Antara wakil persatuan yang mengambil bahagian dalam dialog itu ialah Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Gabungan Mahasiswa Islam Malaysia (GAMIS), Majlis Perwakilan Mahasiswa Universiti Malaya (MPMUM), Majlis Perwakilan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (MPMUKM) dan Persatuan Hindu Universiti Kebangsaan Malaysia.

³⁴ Siti Haniza Abdul Rahman, “Tetap dilaksana-Musa--Walaupun Sekolah Wawasan menerima bantahan dari persatuan Cina”, Utusan Malaysia, 29 Oktober 2000.

³⁵ Ibid.

Pendidikan Kebangsaan. Misalnya, Tan Sri Musa Mohamad telah menyifatkan bantahan Dong Jiao Zong mencerminkan mereka tidak ikhlas untuk memupuk perpaduan dan pembentukan negara di kalangan generasi muda.³⁶ Tokoh pendidik, Tan Sri Ainuddin Abdul Wahid berpendapat sikap segelintir masyarakat keturunan Cina itu telah menimbulkan syak berhubung soal taat setia mereka kepada negara ini sebagai seorang warganegara.³⁷

Pergerakan Pemuda UMNO juga tersentak dengan keputusan yang telah diambil oleh Dong Jiao Zong untuk menolak sama sekali cadangan penubuhan Sekolah Wawasan. Pengerusi Biro Pendidikan Pergerakan Pemuda UMNO, Dr. Adham Baba telah menuduh Dong Jiao Zong sebagai cauvinis Cina kerana berazam kuat untuk menahan proses integrasi dan usaha mewujudkan keharmonian antara kaum. Beliau juga membidas Dong Jiao Zong bersikap curiga, angkuh, mementingkan diri sendiri, degil dan tidak mahu berkompromi, serta menghina tujuan mulia dalam pembangunan bangsa Malaysia. Lantaran itu, Beliau mengingatkan Dong Jiao Zong tentang matlamat utama Penyata Razak 1956 untuk menyatukan anak-anak daripada pelbagai bangsa di negara ini di dalam satu sistem pendidikan nasional yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar.³⁸

³⁶ Berita Harian, 8 November 2000.

³⁷ Utusan Malaysia, 12 November 2000.

³⁸ Dr. Adham Baba, "Group must reconsider stand on Vison Schools", New Straits Times, 10 November 2000.

Sementara penentangan berterusan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan menyebabkan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dengan tegas menyifatkan mereka sebagai puak ekstremis pendidikan Cina yang “menentang proses menyatupadukan rakyat berbilang kaum di negara ini”.³⁹ Memetik kata Dr. Mahathir Mohamad, “*They want everything to be segregated... Chinese schools to be separated from other schools to the extent that Chinese schools seem to be foreign schools and not schools within Malaysia*”.⁴⁰ Selain itu, Dr. Mahathir Mohamad juga membidas mereka bahawa “*What they want to have is education in China. Everything must be completely in Chinese. But this is Malaysia*”.⁴¹

Bagaimanapun, Dong Jiao Zong tetap mempertahankan pendidikan bahasa ibunda di bawah sistem pendidikan kebangsaan agar identiti SRJK(C) tidak terjejas. Memetik kata Dong Jiao Zong dalam kenyataannya, “Jika pendirian ini boleh diinterpretasikan sebagai menjunjung suatu sistem pendidikan yang tidak bersesuaian dengan realiti negara, maka kenyataan ini adalah seperti menafikan kedudukan dan keadaan semasa 1284 buah SRJK(C) di seluruh negara. Ini sudah

³⁹ Berita Harian, 5 Disember 2000; Media Statement by DAP National Chairman Lim Kit Siang in Penang on 5 December 2000.

⁴⁰ Kenyataan akhbar Pengurus Kebangsaan DAP, Lim Kit Siang di Pulau Pinang pada Disember 2000; Kenyataan akhbar Setiausaha Publisiti Kebangsaan DAP, Ronnie Liu di Petaling Jaya pada 5 Disember 2000.

⁴¹ The Star, 5 Disember 2000; Kua Kia Soong, “Who is Blurring the Vision School Issue?”, 10.11.2000; Media Statement by DAP Selangor State Secretary, Dr. Wang Ang Peng Petaling Jaya on 10 November 2000; Media Statement by DAP National Chairman Lim Kit Siang in Petaling Jaya on 11 November 2000.

tentu lagi menambahkan keraguan komuniti Cina tentang ‘agenda tersembunyi’ dalam rancangan Sekolah Wawasan ini”.⁴²

Ketegasan dan keikhlasan kerajaan untuk melaksanakan konsep Sekolah Wawasan demi perpaduan nasional tidak pernah luntur. Malah bagi menghapuskan kebimbangan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan, Kabinet memutuskan untuk membina dua buah sekolah baru yang melaksanakan konsep Sekolah Wawasan di Subang Jaya, Selangor dan Johor Jaya, Johor.⁴³ Selain itu, Kementerian Pendidikan juga menunjukkan sikap tolak ansur sekali lagi apabila bersetuju untuk mengubahsuai panduan pelaksanaan Sekolah Wawasan. Antaranya termasuklah sekolah-sekolah yang terbabit di bawah Sekolah Wawasan bukan sahaja mempunyai nama sekolah sendiri tetapi juga logo, lagu, lencana dan sistem peperiksaan masing-masing.

Selaras dengan peruntukan Akta Pendidikan 1996, Lembaga Pengelola akan ditubuhkan di setiap SRJK(C) dan SRJK(T) yang terbabit di bawah Sekolah Wawasan. Oleh itu, Jawatankuasa Penyelaras dilarang sama sekali untuk mengambil alih segala tugas dan tanggungjawab Lembaga Pengelola Sekolah tersebut. Lebih-lebih lagi, makanan yang disediakan di kantin harus mengambil kira sensitiviti semua kaum. Sementara itu, ketiga-tiga sekolah tidak perlu lagi menggunakan jalan atau pintu masuk yang sama serta bahasa pengantar sekolah

⁴² Kenyataan Akhbar Dong Jiao Zong berhubung komen Perdana Menteri Dato’ Seri Dr Mahathir Mohamed terhadap Dong Jiao Zong dalam isu Sekolah Wawasan, 7 November 2000.

⁴³ Utusan Malaysia, 4 Disember 2000.

boleh digunakan untuk memperjelas sesuatu isu jika perlu dalam perhimpunan bulanan.⁴⁴

Dengan menjadikan Sekolah Wawasan di Johor Jaya dan Subang Jaya sebagai model serta pindaan-pindaan tersebut, kerajaan berharap kebimbangan identiti SRJK(C) terlenyap dapat dihapuskan dan sekali gus menyakinkan mereka untuk menyertai projek Sekolah Wawasan demi mencapai matlamat perpaduan nasional. Serentak itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan bahawa kerajaan telah membuat keputusan untuk melaksanakan “Rancangan Integrasi Murid-Murid Untuk Perpaduan 1986”.⁴⁵ Malah Dr. Ling Liang Sik bersetuju akan membantu kerajaan menjayakan rancangan tersebut di 1,286 SRJK(C) di seluruh negara yang menolak konsep Sekolah Wawasan.⁴⁶ Dong Jiao Zong dan Hua Tuan mengalu-alukan langkah kerajaan untuk menghidupkan semula “Rancangan Integrasi Murid-Murid Untuk Perpaduan 1986”. Akan tetapi, Dong Jiao Zong dan Hua Tuan masih bertegas untuk menolak gagasan Sekolah Wawasan yang bermatlamat untuk memupuk perpaduan nasional bagi mempertahankan identiti dan status quo SRJK(C).

Sebagai rumusannya, proses integrasi seharusnya dibiarkan berlaku secara evolusi serta semula jadi. Sebarang percubaan untuk mewujudkan integrasi secara paksaan pasti akan menemui kegagalan. Oleh itu, Sekolah Wawasan dianggap

⁴⁴ Sin Chew Jit Poh, 24 November 2000.

⁴⁵ Ibid., 9 Disember 2000.

⁴⁶ Utusan Malaysia, 15 Disember 2000.

oleh kerajaan sebagai penjana terbaik bagi merealisasikan integrasi serta menghapuskan tembok pemisah di kalangan murid pada peringkat primer lagi. Sekolah Wawasan juga dianggap sebagai salah satu instrumen oleh pemimpin negara bagi melahirkan anak bangsa Malaysia yang bersatu padu dan lebih bersifat cintakan negara.

Gagasan Sekolah Wawasan adalah verbal kepada pengumpulan etnik berjiwa Malaysia secara penuasan. Ini kerana bukan sahaja murid Melayu bersekolah di Sekolah Wawasan tetapi turut terhimpun pelbagai ras dan agama. Sementelahan itu, konsep Sekolah Wawasan harus dilihat dari konteks dan perspektif yang positif iaitu mewujudkan sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu. Lebih-lebih lagi Kementerian Pendidikan telah berkali-kali menegaskan pentubuhan Sekolah Wawasan bukan bertujuan untuk menghapuskan identiti dan entiti SRJK(C) dan SRJK(T). Pelaksanaan konsep Sekolah Wawasan masih lagi di peringkat percubaan. Oleh itu peluang, ruang dan laluan perlu diberikan kepada Sekolah Wawasan ini beroperasi untuk melihat kesan dan sejauh manakah kemampuannya untuk mengukuhkan hubungan kaum serta integrasi di kalangan murid sekolah rendah.